

ERA BARU

DATE: 31 / 08 / 2007

Inisiatif Kewangan Swasta (Private Finance Initiative)

Era Baru - 31/8/2007

HARI ini kita dengar semua projek infrastruktur akan dibiayai oleh swasta melalui apa yang dikenali Private Finance Initiative (PFI) atau Inisiatif Kewangan Swasta. Ternampak seolah-olah Kerajaan tidak lagi perlu belanja wang Kerajaan untuk apa-apa. Jambatan Pulau Pinang kedua, Projek Monorail Pulau Pinang dan Kuala Lumpur, Projek LRT Kuala Lumpur, Keretapi Laju Singapura - Kuala Lumpur, Keretapi dua landasan elektrik ke Padang Besar, Kabel Dasar Laut Sarawak / Semenanjung, jalan-jalan ekspres dan lain-lain lagi akan dibina dengan inisiatif kewangan swasta.

Ia tidak dipanggil penswastaan. Justeru itu tentulah ada perbezaan antara penswastaan dan inisiatif kewangan swasta. Malangnya tidak ada penjelasan dibuat akan PFI ini dan bezanya daripada penswastaan.

Swasta tidak akan buat sesuatu melainkan ada keuntungan yang akan didapati akhirnya. Jika projek adalah untuk kegunaan orang ramai maka sebagai pengguna bayaran mestilah dibuat oleh orang ramai. Jika projek adalah untuk Kerajaan maka Kerajaan tentulah dikenakan bayaran.

Swasta perlu pinjam dari bank dengan faedah tertentu dan jangka masa tertentu untuk selesai hutang. Bagi projek besar seperti Lebuhraya, keretapi aneka jenis dan jambatan, pengguna mestilah membayar tol atau tiket yang tinggi harganya jika pelaburan oleh swasta akan dilangsaikan dalam masa yang ditentukan oleh bank. Apakah rakyat sanggup bayar?

Penswastaan lebuhraya dahulu diberi subsidi dan bantuan kewangan oleh Kerajaan supaya tol tidak tertinggi dan mampu dibayar oleh pengguna. Namun pengguna masih menjerit dan tol tidak dapat dinaikkan seperti yang dijanji oleh Kerajaan. Apabila Kerajaan tidak dapat tunaikan janji maka terpaksa Kerajaan mengganti kerugian syarikat dengan pinjaman murah dan memin dah harta kepada syarikat.

Apakah mungkin melalui Private Finance Initiative Kerajaan tidak perlu beri pinjaman murah dan lain-lain bantuan seperti penswastaan dahulu? Jika ya, apakah perlu kita beri nama seolah-olah Kerajaan tidak perlu belanja? Kerajaan yang berbangga dengan ketelusan harus jelas apa dianya kebaikan dan keuntungan bagi Kerajaan dan rakyat.

Dr M menulis dibawah nama C.H.E. DET

Ini adalah kali yang kedua bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad atau C.H.E. DET menulis melalui ruangan beliau di ERA BARU. Kali ini Dr Mahathir menulis dalam tajuk "Inisiatif Kewangan Swasta".

Untuk pengetahuan para pembaca, Dr Mahathir pernah menjadi pengarang majalah *Darulaman* terbitan Sultan Abdul Hamid College, Alor Setar pada tahun 1945 ketika beliau me nuntut di sana. Dr Mahathir meneruskan minatnya menulis apabila melanjutkan pengajian beliau di *Universiti Malaya*, Singapura pada tahun berikutnya.

Kini, selepas Dr Mahathir bersara dari memimpin Negara selama 22 tahun, minatnya untuk menulis kembali membara. ERA BARU merasa bangga dan bertuah serta berterima kasih kepada Tun Dr Mahathir kerana sudi memilih akhbar kecil ini untuk memaparkan tulisannya. *Sekian.*

Sebenarnya mengikut pengalaman yang luas yang didapati dahulu tidak ada projek infrastruktur terutamanya yang dibangunkan oleh swasta boleh memberi keuntungan yang berpatutan melainkan pengguna dikenakan bayaran yang tinggi. Malangnya jika bayaran yang tinggi dikenakan pengguna akan memberontak.

Kerajaan, kerana takut menjadi tidak popular, akan me maks swasta mengurangkan bayaran. Dengan ini syarikat akan rugi. Menyedari hakikat ini, swasta tidak akan melabur melainkan dijanji sesuatu. Mungkin syarikat dijanji ganti rugi atau diberi tanah atau kontrak tertentu supaya kerugian ditampung. Dengan itu PFI bukanlah sebenarnya inisiatif kewangan swasta. Ia tidaklah berbeza daripada penswas taan. Mungkin tanggungan Kerajaan lebih besar. Wang rak yat akan diguna untuk keuntungan syarikat tertentu.

Kita khuatir samada terdapat sesuatu yang tersembunyi dalam PFI ini. Walaupun dijanji yang semua kontrak dan projek akan diberi melalui tender terbuka tetapi kita tidak lihat proses tender diadakan.

Tiba-tiba dimaklumkan bahawa Syarikat GLC tertentu telah dianugerahkan projek mega. Dapatkah Syarikat GLC ini membina sendiri projek berkenaan? Syarikat GLC yang


dapat, yang akan guna Private Finance Initiative ini bukan sebuah syarikat pembinaan (Construction Company) yang boleh bina bangunan, atau jambatan atau kabel dasar laut atau keretapi monorel atau lain-lain keretapi. Syarikat GLC perlu beri kontrak binaan kepada syarikat pembinaan. Apakah pemberian kontrak ini akan dibuat melalui tender terbuka?

GLC mempunyai kepentingan Kerajaan. Jika ia mem beri kontrak kepada syarikat milik keluarga Menteri, apakah ini tidak sama dengan Kerajaan memberi tanpa tender, kepada syarikat milik keluarga Menteri? Apakah ini bukan rasuah?

Kita harus tahu syarikat yang dapat kontrak ini ber pengalaman atau tidak. Syarikat RM2.00 yang baru ditu buh tidak harus diberi kontrak.

Siapa dibelakang syarikat perlu diumumkan. Jika tidak, tidak adalah ketelusan.

Mungkin ini semua sangkaan buruk. Tetapi kita tidak ingin PFI dan GLC diguna untuk menyembunyi kegiatan haram. Menteri, ahli Parlimen, ahli Parti tidak akan ber tanya. Kita semua sudah jadi bisu. Kita juga tidak perlu diberi jawapan. Inikah yang dikatakan telus?



Oleh: C.H.E. DET